

## **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)**

### **PROGRAM PENAJAAN PENGAJIAN TERTIARI (TESP)**

- *Tertiary Education Sponsorship Programme* (TESP) adalah program penajaan pelajaran berbentuk Pinjaman Boleh Ubah di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk pelajar lepasan STPM, Matrikulasi/Asasi/STAM/Diploma dan setaraf yang telah ditawarkan pengajian peringkat Ijazah Pertama secara sepenuh masa dalam bidang dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terpilih dalam negara.  
( <https://online.anyflip.com/shdgj/eset/mobile/index.html> )

### **TEMPOH PERMOHONAN**

- Permohonan Pinjaman MARA boleh dibuat secara atas talian melalui portal Majlis Amanah Rakyat (akan dibuka pada waktu permohonan pinjaman diiklankan sahaja)
- Makluman berkaitan iklan permohonan akan dimaklumkan melalui Kulliyah/Portal Pelajar.

### **SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN**

- Rujuk Lampiran – GARIS PANDUAN PERMOHONAN TESP MARA

### **SENARAI PROGRAM DITAWARKAN PINJAMAN BAGI PROGRAM DI UNISHAMS**

- a) Ijazah Sarjana Muda Perubatan Dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan (MBBS)
- b) Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Pengajian Qiraat dengan Kepujian
- c) Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Kepujian
- d) Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian
- e) Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Kepujian
- f) Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan dan Perbankan Islam) dengan Kepujian

### **KADAR/JUMLAH PINJAMAN YANG DITAWARKAN**

- Bergantung kepada pendapatan Ibu bapa atau Penjaga
- Rujuk Lampiran – SYARAT KELAYAKAN TESP TAHUN 2024

### **KAEDAH PERMOHONAN**

- Permohonan perlu dibuat secara dalam talian (online) di <https://educationloan.mara.gov.my>
- Pemohon boleh rujuk Manual Panduan Pengguna Sistem MYEDULOAN V4 (<https://anyflip.com/shdgj/smwv/>)
- Pemohon hendaklah memastikan maklumat diisi dengan lengkap sebelum dihantar. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat tidak akan diproses.
- Permohonan yang telah dihantar **TIDAK** boleh diubah dan di kemaskini.
- Dokumen sokongan seperti yang tertera dalam panduan permohonan program perlulah dimuat naik ke dalam sistem MyEduloan. (Rujuk Lampiran: PANDUAN PERMOHONAN PINJAMAN MARA TESP)

- Pemohon perlu sentiasa menyemak status permohonan yang telah dihantar di sistem MyEduLoan dari semasa ke semasa di pautan <https://educationloan.mara.gov.my> .
- Hanya pemohon yang berjaya dan menerima tawaran perlu mencetak dan menghantar dokumen yang berkaitan kepada MARA.
- Permohonan yang tidak mendapat maklum balas daripada pihak MARA selepas tiga (3) bulan daripada tarikh iklan adalah dianggap tidak Berjaya dan keputusan adalah muktamad.
- MARA berhak pada bila-bila masa menamatkan atau menarik balik tawaran pinjaman sekiranya pemohon didapati memberi maklumat palsu.

*(Sumber Rujukan : IKLAN TESP MARA TAHUN 2024)*